

Unesco iktiraf modul pendidikan Malaysia

BH- 8/4/2007
GENEVA: Modul dan pendekatan bidang pendidikan di Malaysia diperakui dua badan utama Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) untuk dijadikan contoh oleh negara membangun.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata badan itu Institut Perancangan Pendidikan Antarabangsa (IIEP) dan Biro Pendidikan Antarabangsa (IBE) memaklumkan kepada negara berkenaan mengenai perkara itu.

"Dalam konteks perbincangan dan perbahasan dalam isu keganasan mengaitkannya dengan Islam, IIEP dan IEB menyatakan kita mempunyai modul dan pendekatan yang perlu dicontohi.

"Mereka meneliti kurikulum dan buku teks kita," katanya dalam wawancara khas di sini, selepas mengakhiri lawatan kerja enam hari ke Perancis dan Switzerland.

Hishammuddin berkata, Malaysia membuktikan wujud satu kaedah di mana Kerajaan Malaysia bukan saja melihat pencapaian dan kejayaan dalam konteks tempoh jangka pendek, tetapi jauh ke hadapan menerusi pendidikan.

"Pada peringkat antarabangsa perbahasan dan perbincangan berhubung kait dengan pertembungan tamadun antara agama, di antara negara Timur dan Barat adalah satu perkara yang mereka masih lagi terkapai-kapai mencari jalan penyelesaiannya," katanya.

Beliau berkata, tidak ada sebab Malaysia tidak boleh menjayakan sistem pendidikan dalam konteks dunia global, sekali gus membuktikan Islam menekankan kepada penguasaan ilmu.

"Islam bukan agama ganas, umat Islam tak mundur, umat Islam mampu menerokai teknologi, umat Islam mampu mewujudkan teknologi terbaik, terkini sama saja seperti penganut agama lain.

"Saya lihat ini satu jihad, jihad dijayakan pemimpin sebelum saya. Tugas saya sekarang hanya meletakkannya dalam perspektif mudah difahami oleh mereka tidak memahami Islam," katanya. - Bernama